

**TERJEMAHAN KATA PANGGILAN KEKELUARGAAN DALAM WACANA AL-QURAN: PENJELASAN DARI PERSPEKTIF PRAGMATIK**

***THE TRANSLATION OF TERMS ADDRESSING FAMILY MEMBERS IN QURANIC DISCOURSE: EXPLANATION FROM THE PRAGMATIC PERSPECTIVES***

Nasimah Abdullah<sup>1\*</sup>, Lubna Abd. Rahman<sup>2</sup> & Norfazila Ab. Hamid<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, [nasimah@kuis.edu.my](mailto:nasimah@kuis.edu.my)

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, [lubna@usim.edu.my](mailto:lubna@usim.edu.my)

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, [norfazila@kuis.edu.my](mailto:norfazila@kuis.edu.my)

\*Penulis penghubung

**Abstrak**

Dalam wacana al-Quran terdapat banyak penggunaan kata ganti nama diri. Kadang-kadang terdapat masalah pada padanan terjemahan harfiah Arab-Melayu dari sudut pragmatik kerana kata ganti nama diri dalam bahasa Melayu boleh berubah apabila suasana dan keadaannya berubah. Hal ini kerana peraturan sosiolinguistik Melayu amat mementingkan penggunaan sistem panggilan dalam interaksi sesama ahli keluarga untuk menggambarkan unsur kesopanan. Dari perspektif pragmatik pula, khususnya teori relevan yang melihat terjemahan sebagai satu proses mental (kognitif), menterjemahkan kata ganti nama diri Arab kepada kata panggilan kekeluargaan dalam bahasa Melayu didapati memberikan kesan atau impak yang besar kepada proses inferens pembaca untuk membentuk satu kesimpulan seperti yang dikehendaki oleh penulis asal dalam teks sumber. Justeru kertas kerja ini akan memanfaatkan ilmu pragmatik khususnya teori Relevans yang digagaskan oleh Sperber dan Wilson (1995) bagi membuktikan bahawa penggunaan kata panggilan kekeluargaan dalam teks terjemahan makna al-Quran boleh menimbulkan rangsangan yang sangat besar bagi memberikan petunjuk yang jelas dalam proses penginterpretasian ayat oleh pembaca teks sasaran dan sekaligus menjanjikan relevans yang optimum. Oleh itu, jika penterjemah tidak menggunakan kata panggilan kekeluargaan dalam menterjemahkan kata ganti nama diri yang terdapat pada wacana al-Quran, maka pembaca tidak akan dapat memikirkan bentuk inferens yang betul bagi mencapai

interpretasi yang relevan secara optimum. Akibatnya maksud yang tersirat pada teks sumber gagal disampaikan kepada pembaca teks sasaran.

### **Kata Kunci**

Kata ganti nama diri; pragmatik dalam terjemahan; kata panggilan kekeluargaan.

### **Abstract**

There are a lot of personal pronouns used in the Quranic discourse. Occasionally, problems arise in matching the literal translation from Arabic to Malay Language in the light of pragmatic since the pronouns in Malay language can be translated differently based on different situation and context. This is due to the Malay sociolinguistic rules which emphasize on using terms of addressing to demonstrate politeness in family interactions. From the perspective of pragmatic, especially in Relevance theory which views translation as a cognitive process, translating Arabic pronouns, used in family interactions, into Malay by using the specific Malay terms used in addressing family members gives significant impact on the process of making inferences among readers in order to form a conclusion as anticipated by the original author in the source text. Hence this paper employs the Relevance theory by Sperber and Wilson (1995) to prove that the usage of terms used in addressing family members in the Malay Qur'anic translation can bring about great inspiration to provide clear guidance to the readers in understanding the verse, thus ensuring the optimal relevance. Therefore, if the translator does not use the correct terms in addressing family members when translating personal pronouns in Qur'anic discourse, the readers may not be able to realize the correct form of inference to optimise relevant understanding. As a result, the implicit meaning of the source text would fail to reach the target text reader.

### **Keywords**

Personal pronouns; pragmatic in translation; terms addressing family members

---

## **1. Pendahuluan**

Menurut Juliane House (2013: 3) penterjemahan ialah proses penggantian teks asal dengan teks lain. Semasa menterjemah, yang diganti bukanlah konstituen-konstituen dalam teks asal tetapi teks berkenaan secara keseluruhan. Oleh itu, terjemahan daripada satu bahasa kepada satu bahasa yang lain secara asasnya adalah melibatkan dua (2) perkara iaitu pemindahan bentuk dan pemindahan makna. Yang dimaksudkan dengan bentuk di sini adalah unsur-unsur yang terdapat dalam teks asal seperti perkataan, susunan ayat dan gaya bahasa (Ainon Mohd & Abdullah Hassan: 2006: 70).

Jika penterjemah terlalu meraikan bentuk, kadang-kadang makna tidak akan sampai kepada pembaca bahasa sasaran kerana wujudnya perbezaan dalam sistem linguistik dan semantik kedua-dua bahasa seperti frasa (طويل اليد) yang diterjemahkan kepada "panjang tangan". Hal ini kerana pemindahan bentuk semata-mata iaitu (طويل) kepada (panjang) dan (اليد) kepada (tangan) tidak dapat merujuk kepada satu konteks makna yang sama pada sudut pandang masyarakat Arab dan Melayu walaupun makna leksikalnya adalah sepadan. Hal ini menjelaskan betapa pentingnya memahami konteks dalam proses terjemahan. Oleh itu frasa (طويل اليد) perlu diterjemahkan kepada "sifat pemurah" agar sepadan dengan konteks asalnya dalam bahasa sumber iaitu bahasa kiasan walaupun berlaku perubahan leksikal.

Dalam situasi lain, jika penterjemah terlalu meraikan makna, bentuk pula tidak akan sama seperti frasa (لا تبك على اللبن المَهْرَاق) yang diterjemahkan kepada "nasi sudah jadi bubur". Kedua-dua frasa Arab dan Melayu tersebut mempunyai persamaan makna iaitu penyesalan selepas berlakunya sesuatu tiada manfaatnya. Akan tetapi dua (2) frasa tersebut tidak ada persamaan bentuk sama sekali. Amat jarang berlaku persamaan bentuk dan makna jika bahasa sumber dan bahasa sasaran adalah daripada kelompok bahasa yang berbeza seperti antara bahasa Arab dan bahasa Melayu. Oleh itu, jika tujuan terjemahan adalah menyampaikan mesej, penterjemah akan menghasilkan semula bentuk bahasa sumber ke dalam bentuk bahasa sasaran berasaskan struktur semantik. Hal ini bererti, mesej yang ingin disampaikan dalam teks sumber dipindahkan ke dalam teks sasaran dan dalam waktu yang sama bentuk linguistik boleh berubah.

Walau bagaimanapun, kadang-kadang persamaan semantik masih belum mencukupi untuk memberi impak yang besar kepada proses inferens pembaca sasaran untuk membentuk satu kesimpulan seperti yang dihajatkan oleh penulis asal dalam teks sumber. Hal ini adalah disebabkan oleh peraturan sosiolinguistik yang tidak sama antara satu bahasa dengan bahasa yang lain.

Kata panggilan kekeluargaan adalah antara unsur sosiolinguistik yang terdapat dalam peraturan sosial masyarakat Melayu yang tidak terdapat dalam struktur bahasa Arab dan keadaan ini secara tidak langsung menyebabkan ketakterjemahan budaya wujud dalam sebahagian besar proses penterjemahan.

Oleh itu, untuk mencapai interpretasi yang betul, penterjemah mestilah bijak memilih kata atau frasa dalam teks sasaran yang dapat mendukung mesej yang sama dengan kata atau frasa dalam teks sumber bagi menyampaikan segala maklumat, hasrat dan matlamat asal penulis teks asal kepada pembaca sasaran. Hal ini adalah kerana setiap kata atau frasa merujuk kepada nilai semantik dan sosiolinguistik yang berbeza dalam sesuatu ujaran. Dengan erti kata lain, penterjemahan kadang-

kadang mestilah bersifat pragmatik. Bersifat pragmatik bermaksud sesuatu penterjemahan itu cuba menyatakan salah satu jenis komunikasi yang diniatkan oleh penulis atau penutur asal (Muhammad Fauzi Jumingan: 2003: 95).

Peraturan sociolinguistik Melayu mementingkan unsur kesopanan dalam berinteraksi. Kata panggilan kekeluargaan adalah termasuk dalam peraturan sociolinguistik masyarakat Melayu. Awang Sariyan (2007: 4) mendefinisikan peraturan sociolinguistik sebagai "penggunaan bahasa yang menitikberatkan hubungan sosial antara pembicara dengan pendengar (dalam konteks komunikasi lisan) dan antara penulis dengan pembaca (dalam konteks komunikasi tulisan)". Pemilihan kata perlulah sesuai dengan konteks hubungan kedua-dua pihak yang berinteraksi untuk memastikan wujudnya unsur kesantunan bahasa. Awang Sariyan (2007: 3) juga menegaskan bahawa kepatuhan pengguna bahasa kepada peraturan-peraturan yang terdapat dalam bahasa masyarakatnya menjadi ukuran kepada kesantunan bahasa. Oleh itu, dalam dialog antara anak dan ayah terdapat penggunaan kata panggilan tertentu yang mengambil tempat kata ganti nama diri. Perkara ini berbeza sama sekali dengan peraturan sociolinguistik Arab yang tidak menonjolkan fungsi dan peranan sistem panggilan tertentu dalam proses komunikasi antara dua pihak malah hanya menggunakan bentuk kata ganti nama diri sama.

Merujuk kepada penggunaan kata ganti nama diri yang terdapat dalam wacana al-Quran, penterjemah perlu bijak memilih kata atau frasa dalam teks sasaran agar pembaca teks tersebut dapat menghayati maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh teks sumber.

## **2. Wacana al-Quran dan Sifatnya**

Wacana secara umumnya bermaksud keseluruhan tutur yang merupakan suatu kesatuan, ucapan, pertuturan, percakapan, atau merujuk juga kepada kesatuan fikiran yang utuh, sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan (*Kamus Dewan Edisi Baru* 1994: 1540). Manakala, dari sudut bentuk pula, wacana adalah terdiri daripada satu unit khusus bahasa yang melebihi batas ayat atau klausa (Stubbs, 1989: 1).

Menurut Asmah Omar (1980: 11) pula, wacana boleh terdiri daripada ayat, sejumlah ayat, ceraihan, bab, buku, siri atau sebagainya yang memperlihatkan kesatuan dan hubungan antara butir-butir fikiran dan juga perkembangan akaliah yang ada di dalamnya. Yang menariknya Asmah Omar (1980: 11) menyatakan bahawa wacana mestilah ada tujuan dan tujuan itulah yang akan menentukan penggunaan bahasa.

Justeru, al-Quran ialah satu bentuk wacana yang mempunyai konsep ketenunan atau kesatuan teks. Konsep kesatuan tema dan koherensi struktur dalam al-Quran ini telah menjadi perdebatan antara sarjana sejak dari dahulu lagi sehinggalah pada zaman moden ini dengan perbincangan masing-masing. Antara sarjana zaman silam yang membicarakan isu ini yang juga dinamakan *nazm* ialah *al-Jahiz* (780-869M) dalam kitabnya *Nazm al-Quran, al-Baqilani* (950-1013 M) dalam karyanya *I'jaz al-Qur'an, al-Jurjani* (w.1078 M) dalam *Dalail al-I'jaz* dan

*al-Biqāʿi* (w.1480 M) dalam *Nazm al-Durar fi Tanasubi al-Ayat wa al-Suwar* (Siti Mulazamah, 2014).

Pada akhir abad kedua puluh, kajian mengenai koherensi dan struktur teks al-Qurʿan dihidupkan kembali oleh beberapa penyelidik al-Quran seperti Mustansir Mir (1986), Neal Robinson (1996), A.H. Mathias Zahniser (2000), David E. Smith (2001), Salwa M. S. El-Awa (2006), Raymond K. Farrin (2010), Michel Cuypers (2011) dan lain-lain. Penelitian mengenai isu ini penting untuk menghasilkan pemahaman terhadap mesej al-Quran secara menyeluruh (Siti Mulazamah, 2014).

Selain itu, al-Quran mempunyai tujuan komunikasi. Dalam erti kata lain, al-Quran diturunkan sebagai kalam Allah untuk disampaikan kepada seluruh manusia. Kitab ini merupakan satu bentuk komunikasi bertulis antara makhluk dengan Penciptanya dan mempunyai pelbagai bentuk perbincangan dan manfaat (Sibawaih & Agus Dedi Putrawan, 2015) dalam pelbagai aspek kehidupan manusia, seperti syariat, akidah, muamalat dan akhlak.

Hal ini bererti al-Quran datang dengan petunjuk, keterangan, dan konsep sama ada bersifat global atau tidak, yang tersurat maupun tersirat dalam pelbagai persoalan dan bidang kehidupan (Nordin, 2006 dalam Siti Ngaisah, 2013). Justeru, konsep, prinsip dan ajaran yang terkandung dalamnya perlu difahami, dicerna dan diamalkan. Untuk tujuan tersebut, al-Quran telah diterjemahkan kepada bahasa-bahasa dunia yang lain.

Di samping itu, al-Quran memiliki ciri-ciri keistimewaannya tersendiri yang berbeza dengan teks biasa. Al-Quran mempunyai struktur bahasa dan pelbagai bentuk gaya bahasa yang menjadikannya sebuah wacana unik dan bermukjizat serta mempunyai daya tarikan terhadap pembacanya. Gaya bahasa al-Quran merupakan satu metode khas al-Quran dalam menyusun kalamnya dan memilih lafaz-lafaznya yang membezakannya dengan gaya bahasa wacana lain (Habib, t.t).

Antara gaya bahasa yang terkandung dalam al-Quran ialah gaya bahasa metafora, *kinayah*, *majaz*, *iltifat* (peralihan corak atau pola struktur) dan elipsis. Wacana al-Quran juga mengandungi unsur dan struktur makna eksplisit dan implisit yang mendorong pembaca untuk mendapatkan kefahaman menjangkau maksud literal teks. Pembaca perlu mengenalpasti struktur konteks sebelum menetapkan makna untuk mengelakkan masalah ketaksaan dalam memahami frasa al-Quran. Perkara ini kerana struktur al-Quran mengutarakan maksud kontekstual yang mempunyai makna semantik yang berbeza bergantung pada konteks ayat. Pemerhatian pada konteks perlu diberi penekanan dan dianalisis sebaik-baiknya dalam pengintepretasian ujaran supaya makna sebenar ayat al-Quran yang diperoleh benar-benar tepat dalam menjana pemahaman dan kefahaman (Muhammad Luqman Ibnul Hakim, 2015).

Sifat-sifat wacana yang dinyatakan di atas menjadikan al-Quran sebuah wacana yang mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Hal ini kerana pelbagai kategori linguistik wujud dalam teks tersebut termasuklah unsur-unsur yang berupa penceritaan, budaya, sejarah, tekstual, dan teologi (Omar Sheikh Al-Shabab. 2003 dalam Muhammad Luqman Ibnul Hakim, 2015). Oleh itu, penterjemahan al-Quran haruslah mengambil kira

pelbagai aspek dan fenomena bahasa seperti semantik, pragmatik, konteks dan budaya.

### **3. Kesopanan Dalam Sociolinguistik Melayu & Islam**

Kesopanan berbahasa adalah penguasaan tentang amalan perlakuan berbahasa dalam sesebuah masyarakat ataupun budaya. Antara amalan kesopanan dalam masyarakat atau dalam budaya ialah penggunaan kata ganti nama yang sesuai supaya si penutur tidak digambarkan sebagai seseorang yang kasar atau biadab. Pada masa yang sama juga ia berperanan mengeratkan hubungan dan menimbulkan suasana mesra antara penutur dengan orang yang dilawan bertutur.

Berdasarkan ilmu sociolinguistik, pengguna bahasa haruslah sedar tiga perkara penting ketika berbahasa, iaitu tempat bahasa digunakan, bila berbahasa, dan kepada siapa, dan dengan siapa bahasa itu digunakan. Secara umumnya, orang yang pandai menggunakan bahasa yang halus dan sopan dikatakan tinggi budi bahasanya. Sementara orang yang melafazkan kata-kata kasar atau kurang sopan 'dicap' sebagai biadab atau kurang ajar. Menurut Teo Kok Seong (1996: 40), kesopanan bahasa dapatlah ditakrifkan sebagai:

"Bentuk bahasa atau penggunaan bahasa yang bermaksud untuk berlaku sopan kepada orang yang diajak bercakap bagi tujuan menghormatinya, disamping memperlihatkan kehemahan pada orang yang bercakap itu agar dia dianggap sebagai berbudi bahasa"

Pengucapan atau penggunaan beberapa perkataan tertentu diambil berat dalam budaya masyarakat Melayu agar sesuatu yang diucapkan itu tidak melanggar batas-batas kesopanan atau boleh menimbulkan rasa tidak senang hati dalam kalangan pendengar. Sehubungan itu, kesopanan bahasa boleh mewujudkan komunikasi yang berjaya dalam pengertian tidak ada pihak yang terasa tersinggung dalam proses komunikasi antara penutur dengan pendengar. Tegasnya, kesopanan berbahasa boleh ditakrifkan sebagai tahu berbahasa atau mempunyai kecekapan dalam sociolinguistik.

Dalam sociolinguistik Melayu, pemilihan kata perlulah sesuai dengan konteks hubungan kedua-dua pihak yang berinteraksi bagi memastikan wujudnya unsur kesantunan berbahasa. Hal ini sesuai dengan tuntutan Islam sendiri yang telah menggariskan adab-adab ataupun etika-etika ini sebagai landasan kepada umat Islam untuk berinteraksi. Landasan yang telah diwujudkan ini adalah bertujuan supaya umat Islam tidak menyinggung atau berlaku kurang sopan dengan orang lain ketika berbicara dan si pendengar tidak terguris perasaannya apabila mendengar setiap ujaran yang dilontarkan. Islam merupakan suatu agama yang sangat mementingkan kesopanan dan kelembutan ketika bertutur. Keistimewaan konsep budi bahasa Islam yang bersumberkan wahyu daripada al-Quran mahupun Hadis telah memperlihatkan santun dan sopan yang sangat tinggi dalam berbicara. Tutur kata yang sopan dengan

berlandaskan etika yang digariskan oleh Islam ini akan membawa pengamalannya kepada keluhuran peribadi dan menjana keharmonian antara agama, bangsa dan negara.

Pemeliharaan tutur kata yang sopan dalam berbicara menggambarkan akal budi masyarakat Melayu yang sentiasa sensitif dengan keadaan sekeliling bagi memelihara pertalian dalam perhubungan antara satu sama lain. Cerminan akal budi Melayu ini boleh dilihat melalui penggunaan kata ganti nama diri 'aku'. Pemilihan perkataan 'aku' dalam masyarakat Melayu adalah digolongkan dalam percakapan yang berbentuk kasar jika digunakan terhadap golongan yang perlu dihormati termasuklah terhadap ibu bapa, pesapa yang lebih tinggi status sosialnya dalam masyarakat dan pesapa yang lebih berusia daripada penyapa (Idris Aman, 2010:100; Teo Kok Seong, 2003:15). Hal ini menunjukkan bahawa 'aku' tidak boleh digunakan dengan sewenang-wenangnya terhadap orang yang perlu dihormati, sama ada melibatkan pesapa yang lebih berstatus atau pesapa yang lebih berusia daripada penyapa. Walau bagaimanapun, dalam kehidupan masyarakat Melayu sebenarnya terdapat penggunaan 'aku' oleh penyapa yang lebih rendah status sosialnya terhadap pesapa yang lebih tinggi status sosialnya, bahkan juga oleh penyapa yang lebih muda terhadap pesapa yang lebih tua usianya.

Penggunaan 'aku' dalam norma masyarakat Melayu khususnya di Semenanjung Malaysia mengikut usia ini seringkali dikaitkan dengan penyapa yang lebih muda daripada pesapa kerana seharusnya dalam perbualan antara penyapa dengan pesapa yang berbeza usia, penggunaan 'aku' seharusnya tidak digunakan oleh penyapa yang lebih muda terhadap pesapa yang lebih tua daripadanya, termasuklah kepada ibu bapa sendiri. Namun begitu, di sesetengah tempat seperti di beberapa tempat di pedalaman Sabah dalam panggilan kekeluargaan penggunaan 'aku' ini dianggap sopan kerana penggunaan 'aku' sering digunakan oleh seorang anak kepada ibu dan bapanya. Kelazimannya, dalam norma masyarakat Melayu, ibu bapa wajib dihormati dan salah satu cara menghormati ibu bapa ialah dengan menggunakan bahasa yang santun, iaitu bahasa yang lemah lembut dan dengan hati yang ikhlas. Semasa berkomunikasi, suara hendaklah direndahkan dan sama sekali tidak boleh ditengking dan cerca.

Oleh itu, dalam konteks terjemahan makna al-Quran ke bahasa Melayu kaedah terjemahan mestilah mengambilkira konsep pragmatik sebagai usaha untuk memastikan laras bahasa yang berunsurkan keagamaan tampak lebih sopan dan santun pada pandangan masyarakat bahasa sasaran, selain memastikan kepekaan kepada konteks.

Munif Zarirruddin Fikri Nordin dan Mohd Shabri Yusof (2015) menyatakan bahawa masih terdapat sejumlah kecil terjemahan al-Quran yang tidak menepati konteks kehalusan dan kesopanan masyarakat Melayu, meskipun terjemahan *harfiyyah* adalah sepadan. Dapatan tersebut hanya bersandar kepada empat (4) ayat al-Quran yang dikaji dalam *Tafsir Pimpinan ar-Rahman* iaitu Surah *Maryam* (19) ayat 42, 43, 46 dan Surah *al-Saffat* (37) ayat 102. Oleh itu, kajian susulan lain yang memanfaatkan ilmu pragmatik dalam terjemahan khususnya teori relevan yang digagaskan oleh Sperber dan Wilson (1995) dan yang melibatkan

sampel yang berbeza masih perlu dilakukan. Hal ini adalah demi membuktikan bahawa penggunaan kata panggilan kekeluargaan sebagai alternatif kepada kata ganti nama diri dalam teks terjemahan makna al-Quran boleh menimbulkan rangsangan yang sangat besar bagi memberikan petunjuk yang jelas dalam proses penginterpretasian ayat oleh pembaca teks sasaran dan sekaligus menjanjikan relevan yang optimum.

#### **4. Hubungan antara Kata Ganti Nama Diri dan Kata Panggilan Kekeluargaan**

Setiap masyarakat mempunyai cara memanggil dan menyapa tersendiri untuk berinteraksi dengan individu lain. Cara tersebut dikenali sebagai sistem panggilan yang merujuk kepada penggunaan kata ganti nama seseorang. Menurut Asmah Omar (2014: 86), kata ganti nama adalah kata yang berdiri di tempat kata nama dan ia boleh berfungsi pada subjek dan objek ayat manakala kata ganti nama diri ialah kata nama yang menjadi pengganti sesuatu benda, perkara atau manusia.

Kata ganti nama diri yang melibatkan interaksi antara ahli keluarga dikenali sebagai kata panggilan kekeluargaan yang didefinisikan kepada "kata yang menggantikan nama yang digunakan kepada manusia dengan penentuan gender, rujukan dan kedudukan dalam keluarga" (Nor Hashimah Jalaluddin et al, 2005: 17). Penggunaan kata panggilan kekeluargaan melambangkan kehormatan, keamatan dan kesopanan (Nik Safiah Karim, 1981: 106-107).

Dari segi sistem panggilan yang menggunakan kata ganti nama diri, kadang-kadang terdapat masalah pada padanan terjemahan harfiah Arab-Melayu dari sudut pragmatik kerana kata ganti nama diri dalam bahasa Melayu boleh berubah apabila suasana dan keadaannya berubah seperti "engkau" berubah menjadi "tuan hamba" (Amat Juhari Moain: 1989: 75).

Dalam peraturan sosiolinguistik Melayu, kata panggilan kekeluargaan kadang-kadang mengambil tempat kata ganti nama diri untuk merujuk kepada kehalusan bahasa dan budaya masyarakat Melayu yang berteraskan adab dan akhlak. Penggunaan kata panggilan yang betul ditentukan oleh jarak sosial antara individu yang terlibat dalam wacana tersebut. Dengan erti kata lain, penggunaan kata panggilan dianggap menepati konteks dengan merujuk kepada jarak sosial antara dua pihak yang berinteraksi. Oleh itu, penterjemah perlu menyedari jarak sosial dalam proses penterjemahan.

#### **5. Perbezaan Peranan Antara Semantik dengan Pragmatik**

Semantik adalah salah satu subbidang dalam ilmu linguistik yang khusus mengkaji makna dalam bahasa. Ruang lingkup kajian semantik adalah melibatkan peringkat perkataan dan ayat, serta terpisah daripada konteks penggunaan (Norsimah Mat Awal: 2014: 75). Selain itu, semantik juga melihat makna literal perkataan dan gabungannya yang boleh menghasilkan makna asas (Kearns: 2000; Griffiths: 2007).

Manakala pragmatik pula adalah ilmu yang mentafsir makna tetapi maklumat yang digunakan adalah maklumat nonlinguistik yang diperolehi daripada proses kognitif dalam mentafsir makna (Blackmore: 2004). Oleh itu, ilmu pragmatik merupakan pelengkap kepada ilmu semantik dalam mentafsir makna dengan memanfaatkan maklumat konteks (Sperber dan Wilson: 1986).

Sebagai contoh, dalam linguistik Melayu terdapat pelbagai istilah yang merujuk kepada kata ganti nama diri pertama, antaranya saya, aku, patik dan beta. Peraturan sociolinguistik masyarakat Melayu menentukan setiap kata ganti nama diri pertama tersebut mempunyai konteks penggunaan tersendiri dan tidak boleh digunakan sesuka hati. Penutur natif biasanya mampu membezakan penggunaan kesemua leksikal tersebut berdasarkan maklumat tambahan. Contohnya, "patik" dan "beta" hanya digunakan dalam dialog yang melibatkan rakyat dan raja sahaja. Maklumat tambahan inilah yang dikatakan konteks dalam ilmu pragmatik. Ada titik perbezaan antara keempat-empat leksikal tersebut meskipun dari segi semantik ada persamaannya. Jelasnya, pragmatik mempunyai peranan yang berbeza berbanding dengan semantik.

Oleh itu, dalam konteks dialog antara ahli keluarga yang terdapat dalam wacana al-Quran, kata ganti nama diri Arab perlulah diterjemahkan kepada kata panggilan kekeluargaan dalam bahasa Melayu agar boleh menggambarkan tanda hormat seorang yang lebih rendah tarafnya kepada orang yang lebih tinggi taraf atau status kekeluargaannya. Contohnya seorang anak saudara perlu menyapa ayah saudara atau ibu saudaranya dengan panggilan pakcik atau makcik sebagai tanda hormat, bukan dengan panggilan nama (Nasimah Abdullah: 2015: 22). Begitu juga, seorang anak perlu menyapa ayah atau ibu dengan panggilan ayah atau mak sebagai tanda hormat. Di sinilah peranan pragmatik dalam terjemahan.

Oleh itu dalam isu penterjemahan teks al-Quran ke Bahasa Melayu, penterjemah mestilah arif tentang kedudukan, fungsi dan peranan sistem panggilan dalam budaya masyarakat Melayu supaya pembaca dapat memahami maksud ayat secara jelas.

## **6. Tinjauan Tentang Teori Relevan**

Bagi memahami analisis yang akan diterangkan kemudian, diperkenalkan di sini secara ringkas intipati teori relevan.

### *1- Teori Relevans*

Teori relevans dikemukakan oleh Sperber dan Wilson pada tahun 1986 dan diperkemas semula pada tahun 1995. Objektif teori ini adalah menjelaskan ciri proses mental yang terlibat dalam penginterpretasian ujaran atau pun maklumat. Teori ini menyatakan bahawa dalam proses penginterpretasian ujaran ataupun maklumat, kognisi manusia sentiasa terarah untuk mencapai kesan kognitif yang maksima dengan usaha memproses yang minima (Sperber dan Wilson: 1995). Dengan erti kata lain, input atau frasa ungkapan yang relevan kepada individu pendengar atau pembaca akan menghasilkan gabungan kesan kognitif positif dan

usaha mental yang kurang. Hal ini secara tidak langsung akan menghasilkan komunikasi yang mudah dan berjaya.

Menurut Sperber dan Wilson (1995), setiap ujaran yang dikeluarkan oleh penutur atau maklumat yang dikemukakan oleh penulis pastinya membangkitkan andaian relevan di pihak pendengar atau pembaca. Perkara ini bertitik tolak daripada ciri asas kognisi manusia itu sendiri yang sentiasa bermatlamat untuk mencapai relevan yang optimum. Andaian yang relevan ini boleh dieksploitasi oleh penutur atau penulis (Sperber dan Wilson: 2002). Relevan yang optimum bermaksud pendengar atau pembaca akan memproses apa-apa sahaja rangsangan luaran atau dalaman yang menjadi input kepada proses kognitif. Input tersebut akan menjadi relevan pada pendengar atau pembaca apabila pemrosesan input ini adalah dalam konteks andaian yang boleh menghasilkan kesan kognitif yang positif (Sperber dan Wilson: 2002: 608). Kesan kognitif yang positif itu boleh dicapai melalui pemrosesan input yang berada dalam konteks. Ini bermaksud sesuatu kesimpulan itu diperolehi berdasarkan gabungan antara input dengan konteks, bukan berasaskan input atau konteks semata-mata.

Kesimpulannya, teori ini adalah berpaksikan kepada dua (2) perkara, iaitu; andaian asas yang relevan dan kesan kognitif yang positif.

## *2- Prinsip Teori Relevans*

Teori relevans adalah berlandaskan kepada dua (2) prinsip; iaitu prinsip kognitif dan prinsip komunikasi. Yang dimaksudkan dengan prinsip kognitif adalah sistem kognitif manusia sentiasa cenderung ke arah mencari relevan yang maksimum, manakala prinsip komunikasi pula percaya bahawa ujaran yang terang akan menghasilkan sendiri kerelevanan optimumnya (Sperber dan Wilson: 1995: 155-163). Kerelevanan optimal boleh dicapai apabila pendengar atau pembaca dapat memahami makna sesuatu ujaran tanpa memerlukan usaha yang bukan sepatutnya. Hal ini bermakna pendengar atau pembaca akan memperolehi makna yang tepat berdasarkan konteks yang diniatkan oleh pengujar atau penulis asal. Dalam proses ini mungkin berlaku pindaan atau modifikasi. Dan modifikasi ini dianggap sebagai kesan kontekstual yang positif (Muhammad Fauzi Jumingan: 2003: 84).

Oleh kerana sistem kognitif pendengar atau pembaca sentiasa ingin mencapai input yang relevan dalam situasi yang paling maksimum, maka penutur atau penulis perlulah cuba menghasilkan rangsangan yang dapat membantu pendengar atau pembaca sampai kepada kesimpulan atau memperolehi kesan kognitif yang positif, iaitu dengan cara mengambilkira persekitaran kognitif semasa menyampaikan maklumat. Persekitaran kognitif adalah berkait dengan konteks sesuatu ujaran. Secara asasnya, lebih rendah usaha memproses maklumat maka semakin relevanlah ujaran itu.

Oleh itu, dalam isu kata ganti nama diri Arab, kerelevanan optimal boleh dicapai apabila penterjemah menterjemahkannya kepada kata panggilan kekeluargaan dalam bahasa Melayu. Hal ini kerana pembaca lebih dapat memahami wacana secara keseluruhan berdasarkan konteks

yang diniatkan oleh penguji atau penulis asal walaupun tidak dinafikan secara implisitnya berlaku pindaan atau modifikasi. Oleh kerana modifikasi ini meninggalkan kesan kontekstual yang positif dan lebih tepat, maka pendekatan pragmatik ini adalah lebih baik daripada menggunakan pendekatan persamaan semantik.

### *3- Terjemahan Dari Sudut Pandangan Teori Relevan*

Dalam sejarah teori penterjemahan, tiada persepakatan dalam mentakrifkan makna "penterjemahan". Hal ini disebabkan oleh pendekatan berbeza yang digunakan oleh para sarjana dalam menangani masalah kesepadanan terjemahan. Teori terjemahan tradisional menganggap terjemahan sebagai proses pendekodan maklumat dalam satu bahasa ke bahasa yang lain (Hasmidar Hassan: 2011: 59). Pentakrifan ini secara jelasnya bukan sahaja menafikan perbezaan kognitif dan kemampuan kognitif antara penutur yang berbeza, malah mengabaikan kepentingan inferens yang dinamik dalam komunikasi.

Situasi ini berbeza sama sekali dengan teori relevans yang menganggap terjemahan sebagai satu proses inferensi atau proses membuat rumusan yang dinamik dan memfokuskan kepada ciri kognitif. Teori ini juga memberi perhatian terhadap kecekapan komunikatif penterjemah yang mesti berusaha menghasilkan lebih daripada satu terjemahan dan memilih yang terbaik berdasarkan prinsip-prinsip relevans seperti mengambilkira konsep inferensi dalam komunikasi, konteks, kerelevanan optimal dan lain-lain lagi (Muhammad Fauzi Jumingan: 2003). Berdasarkan teori relevan, penterjemah perlu menghasilkan terjemahan yang cukup relevan pada pembaca bahasa sasaran dan mempunyai kesan kognitif yang tuntas tanpa melibatkan usaha memproses yang berlebihan oleh pembaca.

## **7. Metodologi kajian**

Kajian ini adalah kajian perpustakaan dan menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif ini menjurus kepada analisis perbandingan teks antara "Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran" oleh Abdullah Basmeih dengan "al-Quran Nul Karim Rasm Uthmani" oleh Mahmud Yunus. Bagi membuktikan bahawa penterjemah wacana al-Quran memikul tugas yang berat semasa menterjemahkan teks al-Quran, maka diketengahkan dalam penulisan ini satu analisis pragmatik terhadap terjemahan wacana al-Quran dengan mengkhususkan pada kata ganti nama diri (selepas ini KGND) dan kata panggilan kekeluargaan (selepas ini KPK) berlandaskan teori relevan yang digagaskan oleh Sperber dan Wilson (1986, 1995). Kajian ini hanya melihat ayat-ayat al-Qur'an yang mengandungi sistem panggilan kekeluargaan iaitu bentuk hubungan dari bawah (iaitu anak) ke atas (iaitu bapa) seperti dialog Nabi Ibrahim a.s. dengan ayahandanya, dialog Nabi Ismail dengan ayahandanya Nabi Ibrahim a.s., dan dialog anakanda-anakanda Nabi Yaakob dengan baginda sendiri. Ayat dan surah al-Quran yang terlibat dalam analisis ini adalah ayat 74 Surah *al-An'aam*, ayat 42, 43, 44, 45 dan 47 Surah *Maryam*, ayat 102 Surah *al-Saaffat*, ayat 11, 17 dan 85 Surah *Yusuf*.

KPK ini dipilih kerana sistem panggilan merupakan unsur penting dalam berkomunikasi bagi masyarakat Melayu untuk menggambarkan cara menghormati seseorang dan dalam konteks memahami wacana al-Quran, penggunaan KPK sebagai menggantikan kata ganti nama diri boleh mengakibatkan banyak perbezaan makna berlaku dalam konteks masyarakat Melayu. Hal ini secara tidak langsung membuktikan bahawa pemilihan frasa atau kata yang tidak tepat akan menyebabkan kejanggalan pada maknanya dalam bahasa sasaran ekoran perbezaan nilai rasa berbahasa.

### 8. Analisis Terjemahan Kata Panggilan Kekeluargaan Dalam Wacana al-Quran

Bahagian ini mengetengahkan satu analisis pragmatik iaitu berdasarkan teori relevan untuk membuktikan bahawa menterjemahkan kata ganti nama Arab kepada kata panggilan kekeluargaan dalam bahasa Melayu boleh memberikan implikasi kepada pembaca bahasa sasaran. Teori ini sesuai diaplikasikan kerana teori ini menganggap terjemahan bukan hanya melibatkan proses pengekodan, pemindahan, pendekodan tetapi yang paling penting ia turut melibatkan proses inferens. Proses inferens bermaksud interpretasi ujaran atau maklumat yang disampaikan melibatkan proses mental pendengar atau pembaca.

Kategori yang dianalisis ialah kata panggilan untuk bapa serta kata ganti nama yang merujuk kepada panggilan diri kedua untuk bapa. Semua kata panggilan untuk bapa yang dianalisa dalam teks sasaran akan dihitamkan. Kajian ini akan meletakkan garisan di bawah kata ganti nama yang didapati tidak sesuai dengan konteks kesopanan dan kesantunan masyarakat Melayu.

Analisis ini dibahagikan kepada tiga (3) bahagian berdasarkan individu yang berbeza yang terlibat dalam dialog tersebut. Bahagian tersebut adalah seperti berikut:

#### *Bahagian 1: Dialog Nabi Ibrahim a.s. dengan ayahandanya*

Jarak sosial yang terdapat dalam enam (6) ayat di bawah adalah hubungan dari bawah ke atas iaitu antara anak (iaitu Nabi Ibrahim) dengan bapanya (iaitu Aazar).

JADUAL 1:

Surah al-An'am (6) : ayat 74		
قوله تعالى: { وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ لِأَبِيهِ أَرَزَّرْتَنِخْدُ أَصْنَامًا آلِهَةً إِنِّي أَرَاكَ وَقَوْمَكَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ }		
Bil.	Terjemahan Mahmud Yunus	Terjemahan Abdullah Basmeih
1	Dan (Ingatlah) ketika Ibrahim berkata kepada bapanya Azar:	Dan (Ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berkata kepada

<p>Adakah <b>engkau</b> ambil berhala menjadi tuhan? Sesungguhnya aku melihat <b>engkau</b> dan kaum<b>mu</b> dalam kesesatan yang nyata". (hlm: 188)</p>	<p>bapanya Aazar: "Patutkah <b>ayah</b> menjadikan berhala-berhala sebagai tuhan-tuhan? Sesungguhnya aku melihat <b>mu</b> dan kaum<b>mu</b> dalam kesesatan yang nyata". (hlm: 308)</p>
---	--

JADUAL 2:

Surah Maryam (19) : ayat 42		
قوله تعالى: {إِذْ قَالَ لِأَيِّهِ يَا أَبَتِ لِمَ تَعْبُدُ مَا لَا يَسْمَعُ وَلَا يُبْصِرُ وَلَا يُغْنِي عَنْكَ شَيْئًا}		
Bil.	Terjemahan Mahmud Yunus	Terjemahan Abdullah Basmeih
2	<p>Ketika dia berkata kepada bapanya: Ya bapaku, mengapa <b>engkau</b> sembah sesuatu yang tidak mendengar dan tidak pula melihat dan tidak bermanfaat kepada <b>engkau</b> sedikitpun. (hlm: 441)</p>	<p>Tatkala ia berkata kepada bapanya: "Wahai ayahku, mengapa <b>ayah</b> menyembah benda yang tidak mendengar dan tidak melihat serta tidak dapat menolong<b>mu</b> sedikit pun?" (hlm: 756)</p>

Dengan merujuk kepada Jadual 1 dan Jadual 2 di atas, terdapat perbezaan cara terjemahan antara Mahmud Yunus dan Abdullah Basmeih. Penggunaan kata panggilan "ayah" telah digunakan oleh Abdullah Basmeih untuk menterjemahkan kata ganti nama kedua yang terdapat dalam (أَتَتَّخِذُ) dan (تعبد), sedangkan Mahmud Yunus mengekalkan terjemahan secara kata demi kata iaitu (engkau) dan (mu). Ketidaksantunan berbahasa telah berlaku dalam kedua-dua teks terjemahan oleh Mahmud Yunus apabila kata ganti nama diri kedua "engkau" dan "mu" telah digunapakai. Penggunaan "engkau" dan "mu" dalam norma masyarakat Melayu secara halusinya tidak memperlihatkan kesopanan dalam berbahasa, malah tidak dapat menggambarkan jarak sosial yang terdapat dalam wacana iaitu antara anak dengan bapa.

Jika dibuat perbandingan antara kedua-dua teks terjemahan tersebut, ternyata kerelevanan optimal boleh dicapai pada cara terjemahan Abdullah Basmeih kerana beliau menterjemahkan kata ganti nama kedua yang terdapat pada frasa (أَتَتَّخِذُ أَصْنَانًا آلِهَةً) dan (لم تعبد ما لا يسمع) kepada (Patutkah **ayah** menjadikan berhala-berhala sebagai tuhan-tuhan?) dan (mengapa **ayah** menyembah benda yang tidak mendengar). Kewujudan kata panggilan kekeluargaan "ayah" sebagai ganti kepada kata ganti nama diri kedua membawa kognisi pembaca terarah untuk mencapai kesan kognitif yang maksima dengan usaha memproses yang minima. Hal ini kerana frasa "ayah" lebih relevan daripada frasa "engkau" kepada pembaca serta akan menghasilkan gabungan kesan kognitif positif dan

usaha mental yang kurang. Secara tidak langsung pemilihan frasa “ayah” akan menghasilkan kerelevanan optimal, dan komunikasi yang mudah serta pembaca juga lebih dapat memahami wacana secara keseluruhan berdasarkan konteks yang diniatkan oleh pengujar atau penulis asal walaupun tidak dinafikan secara implisitnya berlaku pindaan atau modifikasi. Oleh kerana modifikasi ini meninggalkan kesan kontekstual yang positif dan lebih tepat, maka pendekatan pragmatik ini adalah lebih baik daripada menggunakan pendekatan persamaan semantik yang tidak boleh menggambarkan konteks penggunaan.

JADUAL 3:

Surah Maryam (19) : ayat 43		
قوله تعالى: { يَا أَبَتِ إِيَّيَّ قَدْ جَاءَنِي مِنَ الْعِلْمِ مَا لَمْ يَأْتِكَ فَاتَّبِعْنِي أَهْدِكَ صِرَاطًا سَوِيًّا }		
Bil.	Terjemahan Mahmud Yunus	Terjemahan Abdullah Basmeih
3	Ya bapaku, sesungguhnya aku telah diberi ilmu yang belum <b>engkau</b> ketahui, sebab itu ikutlah aku, nescaya aku tunjukan <b>engkau</b> jalan yang lurus. (hlm: 442)	“Wahai ayahku, sesungguhnya telah datang kepadaku dari ilmu pengetahuan yang tidak pernah datang kepadamu; oleh itu, ikutlah daku; aku akan memimpinmu ke jalan yang betul.” (hlm: 756)

Merujuk kepada Jadual 3, kedua-dua penterjemah menggunakan pendekatan persamaan semantik. Ini jelas kelihatan kerana mereka berdua menggunakan makna asas iaitu kata ganti nama diri kedua “engkau” dan “mu” untuk menterjemahkan (ك) pada (يَأْتِكَ) dan (اهدك). Dalam peraturan sosiolinguistik Melayu, pemilihan kata “engkau” dan “mu” tidak sesuai dengan konteks hubungan antara anak dengan ayah. Oleh itu, dialog tersebut dianggap kasar atau biadab kerana tidak menggunakan kata panggilan kekeluargaan.

Dari perspektif pragmatik khususnya teori relevan, kerelevanan optimal tidak dapat dicapai dalam dua teks terjemahan tersebut kerana pembaca tidak dapat memahami wacana secara keseluruhan berdasarkan konteks yang diniatkan oleh pengujar atau penulis asal. Justeru, pendekatan pragmatik adalah lebih baik daripada menggunakan pendekatan persamaan semantik kerana kognisi manusia secara semulajadinya sentiasa terarah untuk mencapai kesan kognitif yang maksima dengan usaha memproses yang minima. Cuba bandingkan dengan kaedah terjemahan secara pragmatik seperti berikut:

“Wahai ayahku, sesungguhnya telah datang kepadaku dari ilmu pengetahuan yang tidak pernah datang kepada **ayah**; oleh itu, ikutlah daku; saya akan memimpin **ayah** ke jalan yang betul.”

Kewujudan kata panggilan kekeluargaan “ayah” sebagai ganti kepada kata ganti nama diri kedua membawa kognisi pembaca terarah untuk mencapai kesan kognitif yang maksima dengan usaha memproses yang minima. Hal ini kerana frasa “ayah” lebih relevan daripada frasa “engkau” dan “mu” kepada pembaca serta akan menghasilkan gabungan kesan kognitif positif dan usaha mental yang kurang. Secara tidak langsung pemilihan frasa “ayah” akan menghasilkan kerelevanan optimal, dan komunikasi yang mudah.

JADUAL 4:

Surah Maryam (19) : ayat 44		
قوله تعالى: { يَا أَبَتِ لَا تَعْبُدِ الشَّيْطَانَ إِنَّ الشَّيْطَانَ كَانَ لِلرَّحْمَنِ عَصِيًّا }		
Bil.	Terjemahan Mahmud Yunus	Terjemahan Abdullah Basmeih
4	Ya bapaku, janganlah <b>engkau</b> sembah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu derhaka kepada Yang Maha Pengasih. (hlm: 442)	“Wahai ayahku, janganlah <b>ayah</b> menyembah Syaitan, sesungguhnya Syaitan itu adalah menderhaka kepada Allah yang melimpah-limpah rahmatNya.” (hlm: 757)

JADUAL 5:

Surah Maryam (19) : ayat 45		
قوله تعالى: { يَا أَبَتِ إِنِّي أَخَافُ أَنْ يَمَسَّكَ عَذَابٌ مِّنَ الرَّحْمَنِ فَتَكُونَ لِلشَّيْطَانِ وَلِيًّا }		
Bil.	Terjemahan Mahmud Yunus	Terjemahan Abdullah Basmeih
5	Ya bapaku, sesungguhnya aku takut (khuatir), bahawa <b>engkau</b> akan ditimpa seksaan dari Yang Maha Pengasih, lalu <b>engkau</b> menjadi wali (teman) bagi syaitan. (hlm: 442)	“Wahai ayahku, sesungguhnya aku bimbang bahawa <b>ayah</b> akan kena azab dari (Allah) Ar-Rahmaan disebabkan <b>ayah</b> menyembah yang lainnya; maka dengan sebab itu akan menjadilah <b>ayah</b> rakan bagi Syaitan di dalam neraka.” (hlm: 757)

Dengan merujuk kepada Jadual 4 dan Jadual 5 di atas, Abdullah Basmeih telah mengguna pendekatan pragmatik dalam terjemahan kerana beliau menggunakan kata panggilan “ayah” sebagai ganti kepada kata ganti nama diri kedua “engkau” yang terkandung dalam (تَعْبُدِ) dan (يَمَسَّكَ), sedangkan Mahmud Yunus mengekalkan persamaan semantik dengan menggunakan terjemahan secara kata demi kata iaitu (engkau). Berdasarkan peraturan sosiolinguistik Melayu, pemilihan kata “engkau” untuk dialog dengan bapa adalah dianggap kurang sopan.

Oleh itu, sekiranya dibuat perbandingan antara kedua-dua teks terjemahan tersebut, ternyata kerelevanan optimal boleh dicapai pada cara terjemahan Abdullah Basmeih kerana beliau menterjemahkan kata ganti nama kedua yang terdapat pada tiga (3) frasa iaitu (لا تعبد الشيطان), (عَذَابٌ مِّنَ الرَّحْمَٰنِ يَمَسُّكَ) dan (فَتَكُونُ لِلشَّيْطَانِ وَلِيًّا) kepada (janganlah **ayah** menyembah Syaitan), (bahawa **ayah** akan kena azab dari (Allah)) dan (maka dengan sebab itu akan menjadilah **ayah** rakan bagi Syaitan). Kewujudan kata panggilan kekeluargaan “ayah” sebagai ganti kepada kata ganti nama diri kedua membawa pembaca kepada kerelevanan optimal dan lebih dapat memahami wacana secara keseluruhan berdasarkan konteks yang diniatkan oleh pengujar atau penulis asal walaupun tidak dinafikan secara implisitnya berlaku pindaan atau modifikasi. Oleh kerana modifikasi ini meninggalkan kesan kontekstual yang positif dan lebih tepat, maka pendekatan pragmatik ini adalah lebih baik daripada menggunakan pendekatan persamaan semantik.

JADUAL 6:

Surah Maryam (19) : ayat 47		
قوله تعالى: { قَالَ سَلَامٌ عَلَيْكَ سَأَسْتَغْفِرُكَ رَبِّي إِنَّهُ كَانَ بِي حَفِيًّا }		
Bil.	Terjemahan Mahmud Yunus	Terjemahan Abdullah Basmeih
6	Sahut Ibrahim: Salam (selamat) untuk <b>mu</b> . Nanti akan kumintakan ampun bagi <b>engkau</b> kepada Tuhanku, sesungguhnya Dia berbuat baik kepadaku. (hlm: 442)	Nabi Ibrahim berkata: “Selamat tinggallah <b>ayah</b> ; aku akan memohon kepada Tuhanku mengampuni dos <b>amu</b> ; sesungguhnya Ia sentiasa melimpahkan kemurahan ihsanNya kepadaku. (hlm: 757)

Dengan merujuk kepada Jadual 6 di atas, terdapat perbezaan cara terjemahan antara Mahmud Yunus dan Abdullah Basmeih. Penggunaan kata panggilan “ayah” telah digunakan oleh Abdullah Basmeih untuk menterjemahkan kata ganti nama kedua yang terkandung dalam (عَلَيْكَ), sedangkan Mahmud Yunus mengekalkan terjemahan secara kata demi kata iaitu (mu). Kajian ini mendapati bahawa kewujudan kata panggilan kekeluargaan “ayah” sebagai ganti kepada kata ganti nama diri kedua menyebabkan pembaca mengguna usaha memproses data secara minima. Hal ini kerana pembaca lebih memahami wacana secara keseluruhan berdasarkan konteks yang diniatkan oleh pengujar atau penulis asal. Ini berbeza sama sekali dengan cara terjemahan Mahmud Yunus yang tidak dapat menggambarkan konteks. Dengan erti kata lain, frasa “ayah” menjadikan kognisi pembaca terarah kepada kerelevanan optimal kerana

pembaca dapat memahami makna ujaran berdasarkan konteks yang diniatkan oleh penulis asal.

Ironinya, kata panggilan "ayah" yang digunakan oleh anak dalam dialog tersebut yang terdapat pada ayat bilangan 1, 2, 4, 5 dan 6 oleh Abdullah Basmeih menunjukkan tanda hormat seorang anak kepada bapanya walaupun padanan terjemahan *harfiyyahnya* adalah tidak sepadan. Ini adalah sesuai dengan konteks dan sosiolinguistik Melayu yang mementingkan unsur kesopanan dalam berinteraksi.

*Bahagian 2: Dialog Nabi Ismail a.s. dengan ayahandanya Nabi Ibrahim a.s.*

Jarak sosial yang terdapat di akhir ayat di bawah adalah hubungan dari bawah ke atas iaitu antara anak (iaitu Nabi Ismail) dengan bapanya (iaitu Nabi Ibrahim).

JADUAL 7:

Surah al-Saffat (37) : ayat 102		
قوله تعالى: ﴿فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَا بُنَيَّ إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ آيًّا أُدْبِحُكَ فَانظُرْ مَاذَا تَرَى قَالَ يَا أَبَتِ افْعَلْ مَا تُؤْمَرُ سَتَجِدُنِي إِن شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ﴾		
Bil.	Terjemahan Mahmud Yunus	Terjemahan Abdullah Basmeih
7	Setelah anak itu sanggup berusaha bersamanya, berkata Ibrahim kepadanya: Wahai anakku, sesungguhnya aku bermimpi di dalam tidur, bahawa aku menyembelih engkau, maka perhatikanlah, bagaimana fikiranmu? Sahut anaknya: Wahai bapaku, perbuatlah apa yang diperintahkan itu, <b>bapa</b> akan mendapatiku bersabar, Insya Allah. (hlm: 662)	Maka tatkala anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata: "Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu; maka fikirkanlah apa pendapatmu?". Anaknya menjawab: "Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu; insyaallah, <b>ayah</b> akan mendapati daku dari orang-orang yang sabar". (hlm: 1189)

Dengan merujuk kepada Jadual 7 di atas, terdapat persamaan cara terjemahan antara Mahmud Yunus dan Abdullah Basmeih di akhir dialog berkenaan kerana kedua mereka menterjemahkan kata ganti nama diri kedua yang terdapat pada (سَتَجِدُنِي) kepada kata panggilan kekeluargaan iaitu (bapa) bagi Mahmud Yunus dan (ayah) bagi Abdullah Basmeih. Jika

merujuk kepada persamaan semantik, padanan kata demi kata adalah "awak" atau "kamu" atau "engkau".

Justeru, ironinya kata panggilan "ayah" yang digunakan oleh anak dalam dialog tersebut telah menghasilkan komunikasi yang lebih mudah berbanding penggunaan persamaan semantik kerana pembaca dapat memahami siapa inferen yang berada dalam wacana tersebut serta memahami makna keseluruhan wacana tanpa memerlukan usaha yang bukan sepatutnya .

Namun demikian, ketidaksantunan berbahasa telah berlaku dalam teks terjemahan tersebut apabila kata ganti nama diri kedua "mu" telah digunapakai untuk menterjemahkan (تُوْمَرُ). Ini kerana penggunaan "mu" dalam norma masyarakat Melayu secara halusny tidak memperlihatkan kesopanan dalam berbahasa antara anak dan ayah. Seharusnya semakin jauh jarak sosial atau semakin tinggi jarak status, semakin santunlah ujaran yang perlu digunakan (Zulkifley & Naidatul, 2013).

*Bahagian 3: Dialog anak-anak Nabi Yaakob a.s. dengan baginda*

Jarak sosial yang terdapat dalam tiga (3) ayat di bawah adalah hubungan dari bawah ke atas iaitu antara anak-anak Nabi Yaakob dengan baginda.

JADUAL 8:

Surah Yusuf (12) : ayat 11		
قوله تعالى: ﴿قَالُوا يَا أَبَانَا مَا لَكَ لَا تَأْمَنَّا عَلَىٰ يُوسُفَ وَإِنَّا لَهُ لَنَاصِحُونَ﴾		
Bil.	Terjemahan Mahmud Yunus	Terjemahan Abdullah Basmeih
8	Mereka berkata: Wahai bapa kami! Mengapa <b>engkau</b> tidak mempercayai kami terhadap yusuf, sesungguhnya kami akan memberi nasihat kepadanya. (hlm: 332)	Mereka pun (pergi berjumpa dengan bapa mereka lalu) berkata: "Wahai ayah kami! Mengapa <b>ayah</b> tidak percaya kepada kami tentang Yusuf, padahal sesungguhnya kami sentiasa tulus ikhlas mengambil berat kepadanya? (hlm: 544)

Dengan merujuk kepada Jadual 8 di atas, Abdullah Basmeih telah menggunakan pendekatan pragmatik kerana telah memilih kata panggilan "ayah" sebagai ganti kepada kata ganti nama diri kedua "engkau" yang terkandung dalam (لَا تَأْمَنَّا), sedangkan Mahmud Yunus mengekalkan pendekatan secara persamaan semantik iaitu (engkau). Dari perspektif sosiolinguistik Melayu, penggunaan "engkau" dalam interaksi dengan bapa adalah kurang sopan.

Oleh itu, sekiranya dibuat perbandingan antara kedua-dua teks terjemahan tersebut, ternyata kerelevanan optimal boleh dicapai pada

cara terjemahan Abdullah Basmeih kerana beliau menterjemahkan kata ganti nama kedua yang terdapat pada frasa (مَا لَكَ لَا تَأْمَنَّا عَلَىٰ يُوسُفَ) kepada (Mengapa **ayah** tidak percaya kepada kami tentang Yusuf). Kewujudan kata panggilan kekeluargaan “ayah” sebagai ganti kepada kata ganti nama diri kedua membawa pembaca kepada lebih dapat memahami wacana secara keseluruhan berdasarkan konteks yang diniatkan oleh pengujar atau penulis asal walaupun tidak dinafikan berlaku pindaan atau modifikasi. Oleh kerana modifikasi ini meninggalkan kesan kontekstual yang positif dan lebih tepat, maka pendekatan pragmatik ini adalah lebih baik daripada menggunakan pendekatan persamaan semantik.

JADUAL 9:

Surah Yusuf (12) : ayat 17		
قوله تعالى: ﴿قَالُوا يَا أَبَانَا إِنَّا ذَهَبْنَا نَسْتَبِقُ وَتَرَكْنَا يُوسُفَ عِنْدَ مَتَاعِنَا فَأَكَلَهُ الذِّبَابُ وَمَا أَنْتَ بِمُؤْمِنٍ لَّنَا وَلَوْ كُنَّا صَادِقِينَ﴾		
Bil.	Terjemahan Mahmud Yunus	Terjemahan Abdullah Basmeih
9	Mereka berkata: Wahai bapa kami, sesungguhnya kami pergi berlumba-lumba dan kami tinggalkan Yusuf dekat pakaian kami, lalu dia dimakan oleh serigala, tentu <b>bapa</b> tidak percaya kepada kami, meskipun kami orang yang benar. (hlm: 333)	Mereka berkata: “Wahai ayah kami! Sesungguhnya kami telah pergi berlumba-lumba berburu dan kami telah tinggalkan Yusuf menjaga barang-barang kami, lalu ia dimakan oleh serigala; dan sudah tentu <b>ayah</b> tidak akan percaya kepada kata-kata kami ini, sekalipun kami adalah orang-orang yang benar”. (hlm: 545)

Dengan merujuk kepada Jadual 9 di atas, terdapat persamaan cara terjemahan antara Mahmud Yunus dan Abdullah Basmeih kerana kedua mereka mengguna pendekatan pragmatik bila menterjemahkan kata ganti nama diri kedua iaitu (أَنْتَ) kepada kata panggilan kekeluargaan iaitu (bapa) bagi Mahmud Yunus dan (ayah) bagi Abdullah Basmeih. Jika merujuk kepada persamaan semantik, padanan kata demi kata adalah “awak” atau “kamu” atau “engkau”.

Ironinya, kata panggilan “bapa” dan “ayah” yang digunakan oleh anak dalam dialog tersebut boleh menimbulkan rangsangan yang sangat besar bagi memberi petunjuk yang jelas kepada pembaca bahawa dialog tersebut berlangsung antara anak dengan bapa. Jika penterjemah menggunakan kaedah persamaan semantik sudah pasti pembaca tidak dapat memikirkan bentuk inferens yang betul.

JADUAL 10:

Surah Yusuf (12) : ayat 85		
قوله تعالى: ﴿قَالُوا تَاللّٰهِ تَفْتَأُ تَذْكُرُ يُوسُفَ حَتَّىٰ تَكُونَ حَرَضًا أَوْ تَكُونَ مِنَ الْهَالِكِينَ﴾		
Bil.	Terjemahan Mahmud Yunus	Terjemahan Abdullah Basmeih
10	Mereka berkata (kepada bapa mereka): Demi Allah, <b>ayahanda</b> selalu mengingati Yusuf, sehingga <b>ayahanda</b> mengidap penyakit yang berat atau termasuk orang-orang yang binasa. (hlm: 345)	Mereka berkata: "Demi Allah, <b>ayah</b> tak habis-habis ingat kepada Yusuf, sehingga <b>ayah</b> menjadi sakit merana, atau menjadi dari orang-orang yang binasa". (hlm: 566)

Dengan merujuk kepada Jadual 10 di atas, kedua-dua teks terjemahan tersebut menggunakan pendekatan pragmatik kerana mereka berdua menterjemahkan kata ganti nama diri kedua yang terdapat pada (تَذْكُرُ) dan (تَكُونَ) kepada kata panggilan kekeluargaan iaitu (ayahanda) bagi Mahmud Yunus dan (ayah) bagi Abdullah Basmeih. Jika merujuk kepada persamaan semantik, padanan kata demi kata adalah "awak" atau "kamu" atau "engkau". Ironinya, kata panggilan "ayahanda" dan "ayah" yang digunakan oleh anak dalam dialog tersebut menunjukkan tanda hormat seorang anak kepada bapanya walaupun padanan terjemahan harfiyyahnya adalah tidak sepadan.

Dengan erti kata lain, frasa "ayahanda" dan "ayah" yang digunakan oleh penterjemah menjadi lebih relevan kepada pembaca kerana dia tidak memerlukan usaha mental yang banyak untuk memahami konteks wacana. Hal ini secara tidak langsung akan menghasilkan komunikasi yang mudah dan berjaya.

## 9. Dapatan Kajian

Dari perspektif pragmatik khususnya teori relevan yang melihat terjemahan sebagai satu proses mental (kognitif), menterjemahkan kata ganti nama diri Arab kepada kata panggilan kekeluargaan dalam bahasa Melayu didapati memberikan kesan atau impak yang besar kepada proses inferens pembaca untuk membentuk satu kesimpulan seperti yang dihayatkan oleh penulis asal dalam teks sumber. Oleh itu, kajian ini berpandangan bahawa cara terjemahan Abdullah Basmeih kelihatan lebih menjurus kepada aplikasi pendekatan pragmatik dalam terjemahan kerana beliau menggunakan kata panggilan "ayah" di dua belas (12) tempat berbanding Mahmud Yunus yang hanya menggunakan kata panggilan "bapa" di dua (2) tempat sahaja dan "ayahanda" di dua (2) tempat yang lain.

Penggunaan kata panggilan kekeluargaan dalam kebanyakan teks terjemahan Abdullah Basmeih boleh menimbulkan rangsangan yang

sangat besar bagi memberikan petunjuk yang jelas dalam proses penginterpretasian ayat oleh pembaca teks sasaran dan sekaligus menjanjikan relevans yang optimum. Oleh itu, cara terjemahan Mahmud Yunus yang tidak menggunakan kata panggilan kekeluargaan dalam menterjemahkan kata ganti nama diri kedua yang terdapat pada wacana al-Quran menyebabkan pembaca tidak dapat memikirkan bentuk inferens yang betul bagi mencapai interpretasi yang relevan secara optimum. Akibatnya maksud yang tersirat pada teks sumber gagal disampaikan kepada pembaca teks sasaran.

## 10. Kesimpulan

Jika interaksi yang berlaku adalah dalam konteks dialog antara ahli keluarga, kata ganti nama tersebut perlulah diterjemahkan kepada kata panggilan kekeluargaan dalam bahasa Melayu supaya dapat memberi implikasi yang besar terhadap maksud keseluruhan yang ingin disampaikan kepada pembaca terjemahan makna al-Quran ke bahasa Melayu. Hal ini kerana kata panggilan kekeluargaan dalam sosiolinguistik Melayu mempunyai unsur kesopanan dan merupakan unsur penting dalam berkomunikasi bagi masyarakat Melayu untuk menggambarkan cara menghormati seseorang. Sehubungan itu, penerapan al-Quran yang menjadi sumber utama budi bahasa ketika berbicara yang diterapkan dalam Islam sangat penting dalam memelihara dan memartabatkan lagi bangsa dan umat Melayu. Segala sifat yang terpuji yang menjadi daya penggerak dan pendorong kepada budi bahasa yang mulia dan terpuji ialah sasaran utama penggalakannya oleh al-Quran sehingga tiada satu sifat yang tidak diambil kira oleh Islam.

## Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor atas kepercayaan memperuntukkan geran penyelidikan (kod: KUIS/PB/2016/GPIK 1/GPM/011) sehingga terhasilnya artikel ini.

## Rujukan

- Abdullah Basmeih. 2010. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: DarulFikir. cetakan. 12.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. 2006. *Teori dan Teknik Terjemahan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Amat Juhari Moain. 1989. *Sistem Panggilan Dalam Bahasa Melayu: Suatu Analisis Sociolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar, 1980. *Analisis Wacana*. Dewan Bahasa. 24(3): 11-25.
- Asmah Omar. 2014. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi ke-5.
- Awang Sariyan. 2007. *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.H. Mathias Zahniser. 2000. "Major Transitions and Thematic Borders in Two Long Suras: al-Baqara and al-Nisa" dalam *Literary Structures*

- of Religious Meaning in the Qur'an*. ed. Issa J. Boullata. Richmond Surrey: Curzon Press.
- Blackmore, D. 2004. *Relevance and Linguistic Meaning: The Semantics and Pragmatics of Discourse Markers*. Oxford: Basil Blackwell.
- David E. Smith. 2001. "The Structure of al-Baqarah". in *The Muslim World* 91. no 1/2 (2001): 121-136.
- Griffiths, P. 2007. *An Introduction to English Semantics and Pragmatics*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Habib. t.t. Gaya bahasa al-Quran: Daya tarik al-Quran dari aspek bahasa, dalam *Jurnal Bahasa dan Sastra Arab*.
- Hasmidar Hassan. 2011. "Terjemahan Kata Bantu Ragam Dalam Wacana Politik: Penjelasan Dari Perspektif Pragmatik". *Jurnal Penterjemah*. Januari-Jun 2011. Jilid XIII Bil. 1. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- House, Juliane. 2013. *Penterjemahan*. Terjemahan oleh Haslina Haroon. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Idris Aman. 2010). *Analisis Wacana*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan.
- Kamus Dewan*. 1994. edisi ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kearns, K. 2000. *Semantics*. London: MacMillan Press.
- Mahmud Yunus. 2008. *Al-Quran Nul Karim Rasm Uthmani*. Malaysia: Klang Books Centre.
- Michel Chuypers. 2011. "Semitic Retic as a Key to the Question of the Nazm of the Qur'anic Text". in *Journal of Qur'anic Studies* 13. no.1(2011): 1-24.
- Muhammad Fauzi Jumingan. 2003. "Aspek Pragmatik Dalam Penterjemahan: Satu Tinjauan Dari Perspektif Teori Relevans". *Jurnal Penterjemah*. Januari 2003. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Sa'ad, Muhammad Zaidi Zakaria, Mohd Sollah Mohamed & Nabihah Yusof. 2015. Struktur Dan Konteks Kolokasi Frasa Al-Idāfāt Dalam Al-Quran: Satu Pemerhatian Semantik, dalam *Prosiding Kuala Lumpur International Communication, Education, Language And Social Sciences 1 (Klicels1)*, 6 – 7 June, 2015. Hotel Putra, Kuala Lumpur, Malaysia
- Munif Zarirruddin Fikri Nordin dan Mohd Shabri Yusof. 2015. "Sistem Panggilan Dalam Terjemahan Arab-Melayu: Analisis Tafsir Pimpinan ar-Rahman". *Jurnal Penterjemah*. Januari-Disember 2015. Jilid XVII Bil. 1 & 2. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Mustansir Mir. 1986. *Coherence in the Qur'an: A Study of Islahi's Concept of Nazm in Tadabbur-i Qur'an*. Washington: American Trust Publication.
- Nasimah Abdullah. 2015. Kata Panggilan Keluarga: Pemerhatian Terhadap Beberapa Teks Terjemahan Makna al-Quran ke Bahasa Melayu. Dalam Haslina Haron, Hasuria Che Omar, Goh Sang Seong dan

- Norizah Ardi. Dalam *prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-15*. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia, Institut Terjemahan & Buku Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Perbadanan Kota Buku.
- Neal Robinson. 1996. *Discovering the Qur'an: A Contemporary Approach to a Veiled Text*. London: SCM Press Ltd.
- Nik Safiah Karim. 1981. *Beberapa Persoalan Sociolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin et al. 2005. *Sistem Panggilan dalam Keluarga Melayu: Satu Dokumentasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norsimah Mat Awal. 2014. "Semantik". Dalam *Pengenalan Linguistik Teoretis dan Aplikasi*. Editor: Mohammad Fadzeli Jaafar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raymond K. Farrin. 2010. "Surat al-Baqara: A Structural Analysis" in *The Muslim World* 100. no. 1 (2010): 17-32.
- Salwa M.S. El-Awa. 2006. *Textual Relations in the Qur'an: Relevance, Coherence and Structure*. London and New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Sibawaih & Agus Dedi Putrawan. 2015. Al-Quran dan Prinsip Komunikasi, dalam *Komunike*, Vol 7, No. 1, Jun 2015.
- Siti Mulazamah. 2014. Konsep Kesatuan Tema al-Qur'an Menurut Sayyid Qutb, dalam *Journal of Qur'an and Hadith Studies*, Vol. 3, No. 2. 203-234.
- Siti Ngaisah, 2013. Analisis Pemakaian Gaya Bahasa Dan Makna Yang Terkandung Pada Terjemahan Al Quran Surat An-Nisa. *Tesis Sarjana*, Fakultas Keguruan Dan Ilmu Pendidikan Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Sperber, D. & Wilson, D. 1986. *Relevance Theory: Communication and Cognition*. Oxford: Basil Blackwell.
- Sperber, D. & Wilson, D. 1995. *Relevance: Communication & Cognition*. Ed. Ke-2. Oxford & Cambridge: Blackwell.
- Sperber, D. & Wilson, D. 2002. *Pragmatics, Modularity and Mind-Reading*. *Mind and Language*. 17 (1-2): 3-23.
- Stubbs, M. 1989. *Discourse Analysis*. Oxford: Basil Blackwell.
- Teo Kok Seong. 1996. Penukaran kod dan bahasa: satu fenomena kedwibahasaan. *Pelita Bahasa* 8 (5): 41-43.
- Teo Kok Seong. (2003). "Kesantunan Berbahasa Kes Bahasa Melayu". *Dlm. Dewan Bahasa*, Jilid 3 (3): 14-23.